

# Peng Kean azam atasi kelemahan

SEPANG - Atlet lawan pedang negara, Yu Peng Kean berjanji akan menggunakan pengalaman beraksi di Olimpik London 2012 untuk mempersiapkan diri bagi mencari tiket Olimpik 2016 di Brazil.

Peng Kean, 21, berkata, banyak perkara baru yang dipelajari sepanjang di London dan akan menggunakannya untuk mempertajam teknik dan strategi.

"Atlet lawan pedang dari negara barat lebih hebat daripada kita kerana kebanyakan mereka berkelebihan baik daripada segi kemahiran mahupun kekuatan mental.

"Saya kagum dengan kehandalan mereka dan harap mampu mencapai tahap itu satu hari nanti," katanya.

Atlet kelahiran Bukit China, Melaka, itu berpuas hati dengan kejayaan menewaskan atlet Mesir, Zeid Mannad 15-12 dalam acara individu *sabre* lelaki tetapi kecewa apabila kalah mudah kepada Szilagyi Aron dari Hungary, 1-15.

Pelajar jurusan Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia itu menjadi atlet lawan pedang pertama Malaysia melayakkan diri ke Sukan Olimpik selepas 48 tahun. - BERNAMA